

16/10/1999

Litar khazanah negara

LITAR F1 Sepang seharusnya berterima kasih kepada pemandu Formula Satu kerana saat yang sekian lama dinanti-nantikan sudah tiba bagi mempamerkan aksi perlumbaan terunggul dalam Grand Prix Malaysia Petronas 1999.

Litar sepanjang 5.542 kilometer itu adalah litar terbaru dan dianggap paling menarik dalam arena Formula Satu.

Dengan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Litar F1 Sepang sudah bersedia memperkenalkan kepada dunia betapa era pembangunan teknologi baru dan pemindahan teknologi dalam industri sukan bermotor di negara ini, semakin berkembang.

Di Litar F1 Sepang, aspek keselamatan tidak boleh dipandang ringan. Walaupun perlumbaan sebenar esok diharap berlangsung dalam cuaca cerah, pemandu dan peminat tidak akan berasa kecewa jika hujan membasahi kawasan litar.

Aspek keselamatan direka dengan teliti di sekeliling kawasan litar. Kawasan rumput dan pasir yang luas, begitu juga pagar untuk keselamatan pemandu dan penonton, menjadi kekuatan litar bernilai RM286 juta itu.

Dengan lebarnya sama dengan tiga lorong jalan biasa, litar berkenaan sememangnya memikat pemandu untuk mempamerkan kemahiran masing-masing kerana ruang seluas-luasnya membolehkan mereka melakukannya.

Ketika litar Formula Satu lain berukuran 15 meter lebar, Litar F1 Sepang bermula dengan 16 meter dan kemudian berkembang kepada 22 meter, terutama di selekoh mencabar.

Penonton tidak akan hampa kerana lebih berpeluang menyaksikan aksi memotong dan persaingan sengit bagi merebut tempat pertama.

Litar ini dibina dengan permukaan bermutu tinggi, yang kemas dan tidak terlalu kesat. Ia sesuai untuk cuaca Malaysia yang panas dan sesuai digunakan sepanjang tahun.

Kelajuan terendah yang mungkin dicatat dalam perlumbaan nanti ialah 90 kilometer sejam manakala yang tertinggi ialah kira-kira 310 kilometer sejam, terutama di dua laluan lurus litar ini.

Selain kepuasan pemandu, kira-kira 100,000 penonton berpeluang menyaksikan aksi menarik di kawasan tempat duduk semulajadi kerana 50 hingga 80 peratus daripada kawasan litar dapat dilihat dari bukit.

Litar F1 Sepang sudah awal-awal mendapat pujian sebagai simbol litar masa depan. Ia mempunyai aspek teknologi canggih, rekaan cantik, aspek keselamatan dan suasana alam semulajadi bagi memaksimumkan nilai perlumbaan dan menonton.

Pelbagai kemudahan termasuk marsyal elektronik dan tempat duduk grandstand berkembar, sudah cukup menarik perhatian sebelum kereta Formula Satu memecut.

Kawasan paddock, bangunan pit, pusat kedatangan, gerai dan pelbagai lagi kemudahan memang antara terbaik dan paling lengkap bagi sebuah litar yang baru berusia setahun jagung.

(END)